



Kementerian Kesihatan Malaysia

JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK  
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN  
ARAS 5, BANGUNAN TABUNG HAJI  
JALAN KOO CHONG KONG  
30000 IPOH  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-2456000  
05-2456013/6308/6309/6312  
Faks: 05-2540986  
Laman Web: www.jknperak.moh.gov.my

Ruj. Kami : JKNPK.100-8/2/1 (28)  
Tarikh : 7 Julai 2022

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan,

**EDARAN MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN MS ISO 9001:2015  
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN NEGERI PERAK BIL.1/2022**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama - sama ini diedarkan Edaran Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Ms Iso 9001:2015 Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Perak Bil.1/2022 yang telah disemak dan ditandatangani untuk simpanan dan rujukan tuan.
3. Sehubungan itu, mohon kerjasama tuan supaya dapat mengemukakan maklumbalasan melalui pautan : [https://docs.google.com/document/d/1\\_ylrqwc3-aWP0msHorf\\_v0H6RnviSPu-/edit](https://docs.google.com/document/d/1_ylrqwc3-aWP0msHorf_v0H6RnviSPu-/edit) sebelum 29 Julai 2022 (Jumaat).
4. Sebarang maklumat berkaitan perkara ini sila berhubung melalui **Dr. Nurfazlina Bt Rosman** di talian 05-2456300. Kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. CHRISTINA JOYCE A/P NASIMUTHU)**

No. MDC: 3621

Ketua Penolong Pengarah (Pergigian)

b/p Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)

Jabatan Kesihatan Negeri Perak

(SILA CATAT RUJUKAN SURAT APABILA BERURUSAN DENGAN JABATAN INI)

## **SENARAI EDARAN**

**Dr Salleh B. Zakaria**  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (G)

**Pengerusi Mesyuarat**

**Pegawai Pergigian Daerah**  
Kinta / Larut Matang Dan Selama / Hilir Perak / Batang Padang / Kuala Kangsar / Kerian /  
Manjung / Hulu Perak / Perak Tengah / Kampar

**Dr. Misah Bt. Md Ramli**  
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pergigian)

**Dr. Faryna Binti Md. Yaakub**  
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pergigian)

**Dr. Nur Azlina Binti Omar,**  
Ketua Penolong Pengarah (Pergigian)

**Dr. Christina Joyce A/P Nasimuthu**  
Ketua Penolong Pengarah (Pergigian) Merangkap Ketua Auditor Negeri

**Dr. Nurfazlina Binti Rosman,**  
Ketua Penolong Pengarah (Pergigian) Merangkap Ketua Wakil Pengurusan

**Dr. Ili Mazlina Binti Mukhtar,**  
Ketua Penolong Pengarah (Pergigian)

**Dr. Nurliana Bt Omran**  
Pegawai Pergigian UG54 Merangkap Penolong Ketua Wakil Pengurusan

**Dr. Shahrizarina Bt. Ros**  
Pegawai Pergigian UG54 Merangkap Penyelaras Pengurusan Risiko Dan Peluang

**Cik Yong Sook Fan**  
Penyelia Juruterapi Pergigian Pejabat TPKN(G) Merangkap Ketua Pengawal Dokumen

**Puan Nor Farida Binti Baharom**  
Penyelia Juruterapi Pergigian , Pejabat TPKN(G)

**Puan Amy Noriswanty Binti Ayob**  
Penolong Pegawai Tadbir N27

**Puan Sariza Bt Salim**  
Pembantu Tadbir N22

*(SILA CATAT RUJUKAN SURAT APABILA BERURUSAN DENGAN JABATAN INI)*

**Puan Roslila Binti Mat Jusoh**  
Pembantu Tadbir W22

**Nor Dianara Bt. Maher**  
Pembantu Tadbir N22 (TBK)

Wakil Pengurusan Daerah,

Ketua Auditor Daerah,

**Pengawal Dokumen Daerah,**  
Kinta / Larut Matang Dan Selama / Hilir Perak / Batang Padang / Kuala Kangsar / Kerian /  
Manjung / Hulu Perak / Perak Tengah / Kampar



**MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN MS ISO 9001:2015  
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN PERAK BIL. 1/2022**

**Tarikh :** 28 April 2022 (Khamis)

**Masa :** 8.30 pagi – 4.30 petang

**Tempat :** Secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* (<https://meet.google.com/txo-nshj-oix>)

**Kehadiran:**

- |  |   |
|--|---|
| 1. Dr. Salleh bin Zakaria                    | TPKN(G) merangkap Pengerusi                             |
| 2. Dr. Misah binti Md Ramli                  | KPPK (Pergigian)  |
| 3. Dr. Faryna binti Md Yaakub                | KPPK (Pergigian)  |
| 4. Dr. Nur Azlina binti Omar                 | KPPK (Pergigian)  |
| 5. Dr. Christina Joyce a/p Nasimuthu         | KPP (Pergigian) merangkap Ketua Auditor Negeri          |
| 6. Dr. Nurfazlina binti Rosman               | KPP (Pergigian) merangkap Ketua Wakil Pengurusan Negeri |
| 7. Dr. Ili Mazlina binti Mukhtar             | Ketua Penolong Pengarah (Pergigian)                     |
| 8. Dr. Nurliana binti Omran                  | Penolong Ketua Wakil Pengurusan Negeri                  |
| 9. Cik Yong Sook Fan                         | PJKP merangkap Ketua Pengawal Dokumen                   |
| 10. Puan Farhanum binti Muslim               | KJP Pej TPKN(G) Pen Ketua Pengawal Dokumen              |
| 11. Puan Nor Farida binti Baharom            | Penyelia Juruterapi Pergigian Pejabat TPKN(G)           |
| 12. Puan Lee Poh Swun                        | Juruteknologi Pergigian U38 Pejabat TPKN(G)             |
| 13. Puan Amy Noriswandy binti Ayob           | Penolong Pegawai Tadbir N27                             |
| 14. Puan Sariza binti Salim                  | Pembantu Tadbir N22                                     |
| 15. Puan Roslila binti Mat Jusoh             | Pembantu Tadbir W22                                     |
| 16. Dr. Rokiah binti Mamikutty               | PPD Kinta   |
| 17. Dr. Noor Zulfa binti Muhammad Razaai     | PPD Batang Padang                                       |
| 18. Dr. Noor Rohana binti Kamaruddin         | PPD Perak Tengah  |
| 19. Dr. Khairul Hafles Bin Abu Hasan         | PPD Hilir Perak   |
| 20. Dr. Mohd Syaril bin Mohd Tahir           | PPD Manjung   |
| 21. Dr. Kamarul Nizam bin Karmain            | PPD Hulu Perak  |
| 22. Dr. Nor Farohana binti Zainol            | PPD Kuala Kangsar                                       |
| 23. Dr. Ameera Syafiqah binti Aly            | Wakil PPD Larut Matang dan Selama                       |
| 24. Dr. Norina binti Nor Hakimi              | Wakil PPD Kampar  |
| 25. Dr. Siti Asraf binti Jamaludin           | PPD Kerian (Pencatit Minit)                             |
| 26. Dr. Noor Azarena binti Mohamad Azmi      | WP Hilir Perak  |
| 27. Dr. Qayyimah Nabihah binti Mohamad Farid | WP Hulu Perak   |
| 28. Dr. Wong Sok Mun                         | WP Kampar   |
| 29. Dr. Neshannthy a/p Valu                  | WP Kerian   |

30. Dr. Hamidah binti Ibrahim	WP Kuala Kangsar
31. Dr. Herni Suyanti binti Jamal	WP Manjung
32. Dr. Shahrizarina binti Ros	WP Larut Matang & Selama merangkap Penyelaras Daftar Risiko & Peluang Negeri
33. Dr. Qurratu' Aini binti Mohamad Khairuddin	WP Perak Tengah
34. Dr. Khor Mei Chuen	WP Kinta
35. Dr. Aznem binti Abdul Majid	Wakil WP Batang Padang
36. Dr. Norhafiza binti Mokhtar	Ketua Audit Dalaman Kinta
37. Dr. Shahidatunnur binti Norazmi	Ketua Audit Dalaman Batang Padang
38. Rosmawati binti Mohamad	Ketua Audit Dalaman LMS
39. Khairizawaty binti Ahmad	Ketua Audit Dalaman Hilir Perak
40. Dr. Mohd Fadzil bin Abdul Rahim	Ketua Audit Dalaman Kerian
41. Dr. Nor Idayanti binti Abd Rahman	Ketua Audit Dalaman Perak Tengah
42. Nizaida binti Ishak	Ketua Audit Dalaman Kampar
43. Kwa Lay Hoong	Ketua Audit Dalaman Kuala Kangsar
44. Dr. Raihatul Syahmy	Ketua Audit Dalaman Hulu Perak
45. Dr. Hema Malini a/p Balakrishnan	Wakil Ketua Audit Dalaman Manjung
46. Rohana binti Amri	Pengawal Dokumen Batang Padang
47. Natrah binti Anas	Pengawal Dokumen Perak Tengah
48. Zuraida binti Mohamed Yusop	Pengawal Dokumen Kuala Kangsar
49. Maizatunakma binti Sulaiman	Pengawal Dokumen Kampar
50. Rodiah binti Mohd Zawi	Wakil Pengawal Dokumen Hilir Perak
51. Siti Rosmazaily binti Mat Said	Wakil Pengawal Dokumen Hulu Perak
52. Dr. Nurul Farhana binti Rosli	Wakil Pengawal Dokumen LMS
53. Dr. Nurul Hidayat binti Mohammad Wazir	Wakil Pengawal Dokumen Kerian
54. Khairul Fadzlina binti Abdul Karim	Wakil Pengawal Dokumen Kinta

## 1. Perutusan Pengerusi

- a) Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam sejahtera serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.
- b) Tuan Pengerusi memaklumkan audit pensijilan semula MS ISO 9001:2015 akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2022 dan terdapat 4 Klinik Pergigian Primer yang dicadangkan untuk penambahan skop MS ISO 9001:2015 iaitu:
  - i) KP Malim Nawar
  - ii) KP Kuala Sepetang
  - iii) KP Trolak Selatan
  - iv) KP Lawin

Tuan Pengerusi mengingatkan kepada 4 Klinik Pergigian tersebut untuk membuat persediaan yang rapi sebelum diaudit.

**Makluman**

- c) Tuan Pengerusi memaklumkan satu Bengkel Pemantapan Auditor Dalamam akan diadakan pada bulan Julai 2022 dan akan melibatkan semua auditor dalamam yang telah dilantik.

**Makluman**

- d) Susulan daripada Mesyuarat Pengurusan Kewangan Peringkat JKN pada 21 April 2022, Tuan Pengerusi mengingatkan kepada semua PTJ agar peruntukan LDP bagi tahun 2022 perlu ditanggung selewat-lewatnya hujung Mei 2022 bagi membolehkan permohonan untuk 'midterm review' dibuat untuk penggal seterusnya. Tuan Pengerusi juga memohon setiap PTJ untuk memastikan semua kursus dapat dilaksanakan mengikut Pelan Operasi Latihan (POL). Sekiranya peruntukan LDP tersebut tidak dapat ditanggung, Ketua PTJ hendaklah memaklumkan kepada Pejabat TPKN (G) dengan kadar segera.

**Tindakan: Semua PPD**

- e) Tuan Pengerusi juga memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat berkenaan dengan pengurusan ISO adalah berkaitan dengan pengurusan kualiti sesebuah organisasi dan terdapat 7 prinsip asas dalam pengurusan kualiti iaitu:

- Penglibatan orang ramai (*'engagement of people'*)
- Berfokuskan kepada keperluan pelanggan (*'customer focus'*)
- Kepimpinan (*'Leadership'*)
- Pendekatan proses/prosedur kerja (*'process approach'*)
- Peningkatan/Penambahbaikan (*'improvement'*)
- Keputusan berasaskan bukti (*'evidence based decision making'*)
- Pengurusan hubungan yang baik (*'networking'*)

**Makluman**

**2. Pengesahan Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2015 Bil 1/2021.**

Minit Mesyuarat tersebut telah disahkan sebulat suara tanpa sebarang pindaan oleh semua ahli mesyuarat.

**Makluman**

### **3. Perkara-Perkara Berbangkit**

Tiada perkara berbangkit dinyatakan pada mesyuarat ini.

**Makluman**

### **4. Status Tindakan dari Kajian Semula Pengurusan yang lepas**

Semua tindakan pembetulan dan penambahbaikan seperti mana yang diputuskan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang lepas telah selesai diambil tindakan dan maklum balas telah diterima daripada semua pihak.

#### **Keputusan MKSP:**

Status tindakan perlu dinyatakan pada maklumbalas yang dibentangkan pada mesyuarat akan datang.

**Makluman**

### **5. Perubahan dalam Isu Luaran dan Dalaman Yang Berkaitan Dengan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)**

Mesyuarat dimaklumkan perubahan isu dalaman dan luaran akan dibentangkan bersama format risiko yang baru apabila telah disemak dan diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Peluang Negeri.

#### **Keputusan MKSP:**

Format baru Daftar Risiko dan Peluang beserta perubahan isu luaran dan dalaman akan diedarkan serta taklimat bersama Penyelaras Risiko dan Peluang Daerah akan diberikan bagi memastikan keseragaman dan kefahaman penggunaan format daftar risiko tersebut.

**Tindakan : Penyelaras Pengurusan Risiko dan Peluang Negeri**

### **6. Prestasi dan Keberkesanan Kajian Kepuasan Pelanggan dan Maklumbalas Daripada Pihak Berkepentingan Yang Berkaitan.**

Hasil daripada Kajian Kepuasan Dalaman dan Luaran menunjukkan kebanyakan pelanggan dalaman dan luaran berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan seperti yang dinyatakan dalam laporan pembentangan oleh Ketua Wakil Pengurusan Negeri.

#### **Keputusan MKSP:**

Tuan Pengerusi meminta siasatan yang lebih mendalam dan terperinci bagi setiap maklumbalas pelanggan yang diterima supaya tindakan yang diambil adalah berkesan dan masalah yang sama tidak berulang pada masa akan datang.

**Makluman**

## **7. Prestasi Pencapaian Objektif Kualiti dan Keberkesanannya.**

Pencapaian Objektif Kualiti bagi negeri dan daerah telah dibentang oleh Ketua Wakil Pengurusan Negeri. Secara keseluruhannya, pencapaian objektif kualiti mencapai indikator yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, perkhidmatan sekolah dan taska tidak dapat dicapai disebabkan isu tidak mendapat kebenaran menjalankan perkhidmatan pergigian daripada pihak kementerian. Walaubagaimanapun tindakan yang telah diambil menunjukkan keberkesanan memandangkan keseluruhan pencapaian bagi tahun 2021 adalah meningkat berbanding tahun 2020.

### **Keputusan MKSP:**

i) Tuan Pengerusi telah meminta daerah yang mencapai sasaran yang paling tinggi berkongsi tindakan penambahbaikan yang telah dibuat kepada daerah yang lain. Bagi daerah yang tidak mencapai sasaran, usaha atau projek 'Quality Assurance' (QA) yang bersesuaian boleh difikirkan atau boleh mengadaptasi projek QA yang berkaitan daripada daerah / negeri lain untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

**Makluman**

ii) Tuan Pengerusi menggalakkan semua daerah untuk lebih proaktif dan efektif dengan membuat lawatan segera bagi perkhidmatan tadika/pra sekolah atau sekolah rendah dan menengah apabila perkhidmatan sekolah telah dibenarkan untuk beroperasi.

**Makluman**

## **8. Laporan Aduan Pelanggan**

Ahli mesyuarat mengambil maklum laporan aduan seperti yang telah dibentangkan oleh Penyelaras Aduan Negeri. Penyelaras Aduan Negeri memaklumkan bahawa faktor individu / manusia menunjukkan sedikit peningkatan aduan berbanding dengan faktor-faktor lain.

### **Keputusan MKSP:**

Tuan Pengerusi mengingatkan kepada semua PPD untuk memberi lebih perhatian dan menjalankan peranan dengan lebih teliti dalam pengurusan aduan di daerah kerana kebanyakan aduan adalah disebabkan oleh faktor individu / manusia dan kecuai sikap.

**Makluman**

### **9. Pencapaian Prestasi Proses serta Keakuran Produk dan Perkhidmatan**

Mesyuarat dimaklumkan masih terdapat dentur yang tidak memuaskan di daerah dan punca masalah yang sebenarnya perlu dikenalpasti. Selain itu, kompetensi pegawai pergigian dan juruteknologi pergigian adalah salah satu punca bagi dentur yang tidak memuaskan.

#### **Keputusan MKSP:**

Tuan Pengerusi meminta semua PPD untuk mengenalpasti punca masalah yang sebenar dan mengambil tindakan pembedahan yang sewajarnya bagi memastikan perkhidmatan dentur yang diberikan dapat dipertingkatkan.

**Tindakan : PPD Kerian dan Hilir Perak**

### **10. Senarai Ketakakuran dan Keberkesanan Tindakan Pembedahan**

Mesyuarat dimaklumkan terdapat 2 produk Tidak Memenuhi Keperluan (TMK) sepanjang tahun 2021 yang berkaitan dengan pengurusan pesakit. Tindakan pembedahan dan penambahbaikan telah dibuat bagi memastikan tiada kejadian berulang. Keberkesanan tindakan dapat dilihat dari segi pengurangan jumlah pesakit yang di dalam senarai menunggu untuk rawatan serta tiada sebarang aduan berulang berkaitan pengurusan pesakit di klinik berkenaan.

#### **Keputusan MKSP :**

Tuan Pengerusi mengingatkan kepentingan pemantauan berterusan oleh PPYM serta PPD terutamanya kepada pegawai pergigian lantikan baru dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.

**Makluman**

### **11. Keputusan Pemantauan dan Keberkesanan Pengukurannya**

Bagi pemantauan audit klinikal Juruterapi Pergigian dan Pegawai Pergigian, Tuan Pengerusi mencadangkan hasil pemantauan audit perlu diteliti dan dinilai bagi mengenalpasti tahap kompetensi anggota pergigian kerana rekod pesakit merupakan dokumen yang sangat penting. Hasil pemantauan audit tersebut perlu diperbaiki dan ditambah baik di peringkat daerah melalui pengukuhan latihan atau kursus dalaman di daerah.

#### **Keputusan MKSP:**

Mesyuarat mencadangkan Borang Audit Klinikal BKPP-BK33 PIN.00 dikaji semula untuk melihat indikator yang diperlukan supaya hasil ke atas audit pemantauan tersebut dapat diukur dan ditambahbaik dari masa ke semasa.

**Tindakan : Pemilik Dokumen Borang Audit Klinikal BKPP-BK33 PIN.00  
(PKPD Batang Padang)**

## 12. Keputusan Audit

### i) Audit Dalaman

Laporan keputusan audit secara keseluruhan adalah seperti yang dibentangkan oleh Ketua Auditor Dalaman Negeri. Secara keseluruhannya, hasil penemuan audit dari tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan kadar penurunan bagi penemuan Ketakakuran Minor tetapi meningkat sedikit untuk bilangan Pemerhatian. Walau bagaimanapun, didapati terdapat kelemahan dalam pengkelasan jenis penemuan minor dan pemerhatian oleh auditor dalaman. Masih terdapat beberapa penemuan berulang bagi sesetengah daerah.

#### **Keputusan MKSP:**

Pemahaman dalam proses penyampaian Sistem Pengurusan Kualiti serta konsep risiko dan peluang perlu dipertingkatkan lagi untuk semua anggota terutama auditor dalaman. Ketua Auditor Dalaman Negeri mencadangkan bahawa penemuan Audit Dalaman 2021 perlu dikaji semula untuk dimurnikan dan dipersetujui oleh ahli mesyuarat. Satu sesi semakan akan diadakan melibatkan semua KAD. Tuan Pengerusi mencadangkan supaya tindakan pembedahan ke atas semua penemuan ketakakuran dapat dibentangkan di dalam mesyuarat pada masa akan datang.

**Tindakan: Ketua Auditor Dalaman Negeri/ Daerah**

### ii) Laporan Audit Luaran

Laporan keputusan serta maklumbalas Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Perak 2021 telah dibentangkan oleh Ketua Wakil Pengurusan Negeri. Semua tindakan yang diambil telah dibincangkan dan diputuskan seperti di Lampiran 1.

#### **Keputusan MKSP:**

- a) Tuan Pengerusi dan semua ahli mesyuarat bersetuju untuk menetapkan prosedur kerja bagi verifikasi bagi alat penimbang adalah menggunakan pemberat iron bar sekurang-kurangnya 5 kg dan 10 kg. Manakala kalibrasi bagi alat penimbang perlu dibuat sekurang-kurangnya setiap 3 bulan dan rekod tersebut perlu dicatatkan sebagai rujukan.

**Tindakan: Semua PPD**

- b) Bagi aset atau peralatan biomedikal yang masih di dalam tempoh jaminan dan memerlukan kalibrasi, Tuan Pengerusi mencadangkan supaya satu panduan atau rujukan perlu diwujudkan supaya tiada penemuan berulang diperolehi semasa audit SIRIM dijalankan.

**Tindakan: Ketua Wakil Pengurusan Negeri**

### **13. Prestasi serta Keberkesanan Pembekal Luaran**

Ahli mesyuarat mengambil maklum penilaian prestasi pembekal secara atas talian e-Perolehan adalah wajib dilaksanakan. Ini adalah kerana sistem akan secara automatik meletakkan skor 4 untuk prestasi pembekal jika penilaian secara atas talian tidak dibuat walaupun prestasi sebenar adalah tidak memuaskan. Status prestasi perkhidmatan dan senarai pembekal yang mempunyai masalah adalah seperti yang telah dibentangkan oleh Ketua Wakil Pengurusan Negeri. Untuk makluman ahli mesyuarat, tiada pembekal berulang yang digunakan sekiranya prestasi yang diberikan adalah tidak memuaskan.

#### **Keputusan MKSP:**

Mesyuarat memaklumkan bahawa prestasi pembekal perlu mencapai >50% supaya daerah dapat membuat urusan dengan pembekal tersebut. Walaubagaimanapun, sekiranya pembekal tersebut mencapai prestasi <50%, daerah perlu menyatakan justifikasi yang kukuh sekiranya pembekal tersebut boleh dikekalkan bersyarat atau perlu dikeluarkan.

**Makluman**

### **14. Kecukupan Sumber**

Mesyuarat mengambil maklum kekurangan sumber manusia terutamanya bagi isu pertukaran anggota yang tiada pengganti serta pos anggota berpencen yang tidak diisi turut menjejaskan kelancaran proses kerja di daerah.

#### **Keputusan MKSP :**

Mesyuarat dimaklumkan tiada pertambahan jawatan baharu diterima setakat ini dan daerah perlu mengoptimalkan sumber manusia sedia ada bagi melaksanakan perkhidmatan di klinik pergigian.

**Makluman**

### **15. Keberkesanan tindakan yang diambil dalam menangani Risiko dan Peluang**

Penilaian keberkesanan tindakan Risiko dan Peluang Negeri beserta perbandingan kategori risiko tahun 2021 dan 2020 telah dibentangkan oleh Penyelaras Daftar Risiko dan Peluang Negeri.

#### **Keputusan MKSP:**

Penyelaras Pengurusan Risiko dan Peluang di daerah diingatkan untuk membentangkan pencapaian keberkesanan tindakan yang diambil dengan membandingkan penilaian risiko mengikut format yang telah diberikan sebelum ini. Semakan semula ke atas tindakan pembetulan dan penambahbaikan perlu dibuat sekiranya tindakan yang diambil tidak berkesan.

**Makluman**

## 16. Peluang untuk Penambahbaikan

Semua aktiviti penyelenggaraan dan pemantauan kualiti peralatan perlu dibuat dengan lebih sistematik dan konsisten.

### **Keputusan MKSP:**

Ketua Wakil Pengurusan Negeri menyarankan agar setiap daerah dapat menyediakan senarai aset atau peralatan serta jadual penyelenggaraan bagi aset di bawah QMS atau pihak luar supaya pemantauan dapat dibuat secara berkala dan konsisten. Bagi aset-aset biomedikal yang memerlukan kalibrasi dan verifikasi dan telah habis tempoh jaminan daripada pembekal serta masih belum didaftarkan di bawah QMS, semua daerah boleh memohon untuk dimasukkan di bawah penyelenggaraan QMS dengan mengisi borang VAR 1 sepanjang tahun.

**Tindakan: Semua PPD**

## 17. Sebarang Keperluan untuk Perubahan kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

- i) Terdapat 29 pindaan bagi dokumen kualiti e-ISO BKPP pada tahun 2021. Kebanyakan pindaan dibuat melibatkan penambahbaikan proses kerja, arahan kerja dan pewujudan garis panduan dan pekelling terbaru daripada kementerian dan program.

### **Keputusan MKSP:**

Ahli mesyuarat mengambil maklum dan semua pindaan tersebut telah dimuat naik di dalam sistem interaktif e-ISO BKP Perak. Ketua Wakil Pengurusan Negeri memaklumkan semua dokumen kualiti yang dipinda ini adalah susulan daripada Bengkel Pemurnian Dokumen ISO yang telah dijalankan pada tahun 2021. Ketua Wakil Pengurusan Negeri juga mengingatkan kepada semua pemilik dokumen untuk sentiasa peka dan menyemak dokumen kualiti masing-masing dan sekiranya terdapat sebarang pindaan boleh diusulkan kepada beliau dengan kadar segera.

**Tindakan: Semua Pemilik Dokumen**

- ii) Format baharu daftar risiko dan peluang bagi tahun 2022 telah dibentuk dengan menggunakan matrik 5X5 beserta huraian bagi impak/'consequences' adalah lebih terperinci dan menyeluruh. Walaubagaimanapun, terdapat kekeliruan dalam penilaian aspek kebarangkalian bagi daftar risiko dan peluang di mana terdapat daerah yang mengambilkira kebarangkalian risiko yang berlaku adalah mengikut piawaian 100% sedangkan sasaran KPI yang ditetapkan oleh kementerian / negara adalah rendah.

### **Keputusan MKSP:**

Ahli mesyuarat bersetuju bahawa tahap kebarangkalian risiko yang berlaku di daerah dinilai dengan mengikut sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh kementerian/negara. Manakala bagi penilaian impak/'consequences' perlu mengikut situasi sebenar dan kategori yang lebih terperinci seperti dalam format baharu tahun 2022

**Makluman**

iii) Mesyuarat dimaklumkan Garis Panduan Pengurusan Wabak COVID-19 Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Edisi Ketiga edaran pada 28 Disember 2021 adalah edisi yang terkini.

**Keputusan MSKP:**

Tuan Pengerusi mengingatkan daerah peka dengan perubahan pada garis panduan terkini serta Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang terkini susulan fasa peralihan pandemik COVID-19.

**Makluman**

**18. Keperluan Sumber untuk Pelaksanaan Tindakan Tersebut**

Bagi tujuan mengoptimumkan tugas anggota sedia ada, PPD Manjung memohon pandangan daripada Tuan Pengerusi berkenaan keperluan untuk mengekalkan kaunter saringan Covid-19 di pintu masuk klinik perlu diteruskan atau boleh dihentikan berikutan negara sedang beralih ke fasa endemik bermula 1 April 2022.

**Keputusan MKSP:**

Tuan Pengerusi meminta agar semua daerah untuk mengekalkan kaunter saringan Covid-19 di pintu masuk klinik dan menunggu arahan selanjutnya daripada pihak program memandangkan satu garis panduan baharu akan diwujudkan dalam masa yang terdekat.

**Makluman**

**19. Hal-hal Lain**

**19.1 Penambahan denominator bagi KPI Peratus Pembudayaan Inovasi**

Mesyuarat dimaklumkan terdapat penambahan denominator bagi KPI pembudayaan inovasi kerana ia melibatkan semua klinik primer, klinik pakar dan juga '*visiting clinic*'. Ketua Wakil Pengurusan Negeri memaklumkan pembudayaan inovasi ini bukan hanya melibatkan inovasi sahaja tetapi merangkumi projek QA dan juga KIK di setiap daerah.

**Makluman**

**19.2 Laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**

Ketua Wakil Pengurusan Negeri memohon untuk semua Wakil Pengurusan Daerah supaya menghantar laporan daerah secara *hardcopy* selepas membuat pembedulan kepada Matron Yong Sook Fan dengan kadar segera.

**Tindakan: Wakil Pengurusan Daerah**

## 20. Rumusan

Secara kesimpulannya, Sistem Pengurusan Kualiti BKP Perak masih memenuhi keperluan MS ISO 9001 : 2015. Walaubagaimanapun, penambahbaikan secara berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

## 21. Penutup

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada urusetia dan semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil 1/2022 ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Disediakan oleh:




**Dr. Siti Asraf binti Jamaludin**  
**Pegawai Pergigian Daerah Kerian**

Disemak oleh:



**Dr. Nurfaizlina binti Rosman**  
**Ketua Wakil Pengurusan Negeri**  
**Bahagian Kesihatan Negeri Perak**

Disahkan oleh:



**Dr. Salleh bin Zakaria**  
**Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)**  
**Bahagian Kesihatan Negeri Perak**

sk: Semua AJK MS ISO BKPP

